Utusan Malaysia

Pelajar Kolej Yayasan Saad cemerlang Saintis Muda SEAMEO 2026 (11 Mac 2026)



Rayyan Harith dan Al Hyfzul mengibarkan Jalur Gemilang sambil memegang cek kemenangan bagi meraikan pencapaian mereka.

Pelajar Tingkatan 4 Kolej Yayasan Saad Melaka (KYSM), Rayyan Harith Ahmad Rozley dan Al Hyfzul Imran Azaiddin baru-baru ini mengharumkan nama sekolah berkenaan apabila muncul sebagai juara dalam tiga daripada tujuh kategori dalam Kongres Serantau ke-14 – Pencarian Saintis Muda (SSYS) 2026.
Ia merupakan platform berprestij di peringkat serantau yang meraikan inovator muda yang komited terhadap penyelesaian lestari dan kecemerlangan saintifik.
Pencapaian cemerlang tersebut mencerminkan dedikasi, ketekunan dan semangat inovasi mereka, selari dengan misi KYSM untuk melahirkan pelajar seimbang dan berprestasi tinggi yang cemerlang dalam bidang akademik serta kokurikulum.



Anjuran ini di bawah Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO), SSYS 2026 yang menghimpunkan saintis muda dari seluruh Asia Tenggara, sekali gus menyediakan platform dinamik untuk kolaborasi, kreativiti dan penerokaan saintifik di peringkat serantau.

Anugerah dan Pengiktirafan
Menambah lagi kejayaan tersebut pasukan KYSM meraih pelbagai anugerah berprestij:
• Anugerah Emas: Anugerah Khas Kreativiti / Inovasi + Geran Permulaan USD 500
• Anugerah Emas: Anugerah Khas Potensi Komersial + Geran Permulaan USD 500
• Anugerah Emas: Anugerah Cemerlang untuk Pembentangan
• Anugerah Perak: Anugerah Khas Manfaat kepada Komuniti
• Anugerah Perak: Anugerah Khas Laporan Projek
• Anugerah Perak: Aplikasi Konsep STEM
• Anugerah Gangsa: Anugerah Cemerlang untuk Pameran Projek

Semangat dan komitmen tinggi mereka terhadap inovasi telah membawa kebanggaan besar kepada KYSM. Kejayaan tersebut membuktikan komitmen berterusan institusi dalam melahirkan pemimpin dan inovator STEM yang bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

Semoga kejayaan tersebut menjadi inspirasi kepada lebih ramai pelajar untuk menceburi bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta menyumbang secara bermakna ke arah pembinaan negara yang lestari dan progresif. KYSM merupakan sekolah menengah swasta terkemuka yang menawarkan Kurikulum Kebangsaan

Malaysia yang digabungkan dengan Kurikulum Cambridge (IGCSE).

Pendekatannya yang holistik turut merangkumi program nilai tambah seperti pengaturcaraan, kecerdasan buatan (AI), pendidikan muzik, seni persembahan, Bahasa Mandarin serta program bimbingan. Sejak ditubuhkan pada 1995, sekolah ini terus melahirkan pelajar cemerlang pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. – UTUSAN